

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 17 TAHUN 2019

DASAR UNTUK MENJADIKAN MANA-MANA TANAH MILIK SYARIKAT MILIK KERAJAAN NEGERI (GLC), PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT), ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SERTA MANA-MANA TANAH KERAJAAN YANG AKAN DIBERIMILIK YANG TERLETAK DI KAWASAN LUAR RIZAB MELAYU SEBAGAI KAWASAN RIZAB MELAYU

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Pihak Berkuasa Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke-20 tahun 2019 melalui kertas MMK Bil. 20/2019/D9 (9) yang telah bersidang pada 09 Oktober 2019 telah menimbang dan meluluskan dasar untuk menjadikan tanah yang berada di luar kawasan Rizab Melayu sebagai kawasan Rizab Melayu sebagaimana berikut :

1. Bagi kategori pemilikan tanah sepertimana berikut perlu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Ahli Lembaga Pengarah atau Ahli Majlis Daerah bagi mengisytiharkan tanah terlibat sebagai kawasan rizab Melayu :
 - 1.1 Mana-mana tanah milik syarikat milik Kerajaan Negeri (GLC), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan anak syarikat Kerajaan Negeri yang terletak di luar kawasan rizab Melayu atau
 - 1.2 Mana-mana tanah kerajaan yang telah diluluskan pemberimilikan tetapi belum didaftarkan hakmilik kepada mana-mana syarikat milik Kerajaan Negeri (GLC), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan anak syarikat Kerajaan Negeri yang terletak di luar kawasan rizab Melayu.

2. Bagi kategori tanah kerajaan hendaklah diambil tindakan sebagaimana berikut:


2.1 Mana-mana tanah kerajaan yang telah diluluskan pemberimilikan tetapi belum didaftarkan hakmilik hendaklah diisytiharkan sebagai kawasan rizab Melayu terlebih dahulu sebelum pendaftaran hakmilik dibuat atau

2.2 Mana-mana tanah kerajaan yang belum diberi milik dan tanah tersebut berada di luar kawasan rizab Melayu, tanah tersebut perlu diwartakan sebagai kawasan rizab Melayu.

3. Semua syarikat milik Kerajaan Negeri (GLC), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan anak syarikat Kerajaan Negeri hendaklah menerima pakai dasar ini dan mengambil tindakan lanjut.

4. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan Bil. 12 Tahun 2019.

5. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta dan semua Pentadbir tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri tersebut.



DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL D.P.S.K. (KELANTAN), K.M.N
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

KEPADA :

Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-undang Negeri Kelantan
5. YB. Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YABrs. Pengarah PLANMalaysia@Kelantan (JBPD)
8. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan
9. Semua Setiausaha Majlis Daerah Negeri Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU**

FAIL : PTG.KN.16/12/26

BERTARIKH : 17 Safar 1441 H

16 OKTOBER 2019